



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 4 OGOS 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PESAWAH TANAH JERLUS MOHON PAMPASAN, DALAM NEGERI, UM -33 MASALAH TANAH JERLUS, REMAJA BANTU BAPA TUAI PADI, NEGARA, KOSMO -15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	LADANG AYAM DI JERAM DIARAH TUTUP, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	USAHAWAN P.PINANG RAIH RM2 JUTA DALAM EMPAT HARI, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	PTPB: FORMULASI BAHARU BAJA NAFAS TINGKATKAN HASIL PADI, NASIONAL, SH -9	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
6. 7.	USAHAKAN CENDAWAN TIRAM SEBAGAI PUNCA REZEKI, NEGARA, KOSMO -7 PEMANGKIN DIGITAL AGTECH BANTU PERNIAGAAN PETANI, BISNES, SH -32	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

4/8/2023

UTUSAN

DALAM

33

MALAYSIA

NEGERI

Pesawah tanah jerlus mohon pampasan

PARIT BUNTAR: Pesawah yang terlibat masalah tanah sawah jerlus memohon diberikan pampasan jika tanah sawah itu 'direhatkan' daripada ditanam padi selama musim.

Cadangan tanah jerlus direhatkan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjung Pidang bertujuan memulihkan semula struktur tanah sawah yang terlibat supaya kembali keras.

Tanah sawah jerlus menyebabkan mesin jentuai terbenam dalam tanah dan padi tidak dapat dituai.

Pesawah yang ditemui menyokong cadangan itu namun memohon pampasan diberikan kepada pesawah yang terlibat kerana mereka tidak dapat menanam padi selama kira-kira setengah tahun.

Pesawah, Muhammad Taufiq Abdul Hamid, 38, berkata, cadangan merhatkan tanah sawah yang terlibat itu merupakan satu usaha yang baik bagi memulihkan semula struktur tanah agar kembali keras.

Katanya, apabila tanah sawah

direhatkan daripada ditanam selama musim, semua lopak dan tanah yang tidak rata akibat mesin tuai padi yang terbenam dapat dipulihkan.

Menurutnya, sekiranya usaha rehatkan tanah sawah itu hendak dilaksanakan kerajaan perlu bagi bantuan kepada pesawah yang terjejas.

"Jika direhatkan pada musim hadapan ia akan mengambil masa hampir setengah tahun.

"Begitupun kami berharap kerajaan menyediakan bantuan kepada pesawah yang terlibat kerana kami tidak dapat menanam padi selama musim," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi, 40, berkata, selain merhatkan tanah sawah, parit air perlu diselenggarakan dengan baik seperti mendalam dan membersihkan.

Menurutnya, ini perlu untuk membolehkan parit saliran dapat berfungsi dengan sempurna agar air yang keluar dari petak sawah mengalir dengan lancar bagi mengeringkan petak sawah.



PESAWAH memasang rantai untuk menarik jentuai yang terbenam dalam sawah akibat tanah lembut menggunakan traktor di Parit Mat Ali Kuala Kurau, Parit Buntar. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

"Sekiranya pampasan diberikan kepada pesawah yang tanah sawahnya direhatkan, biarlah ia dibayar mengikut keluasan sebenar yang diusahakan.

"Ini kerana keluasan yang diusahakan pesawah berbeza keluasannya, ada yang sedikit ada, ada yang luas," katanya.

Semalam, PPK Tanjung Pidang mendakwa rugi RM1.8 juta apabila hanya 40 peratus daripada 2,460 hektar sawah di mukim itu dapat dituai pada musim pertama tahun ini akibat tanah sawah jerlus.

Jadi punca kepada ketidakselesaan penduduk ekoran gangguan lalat

Ladang ayam di Jeram diarah tutup

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KUALA SELANGOR - Sebuah ladang ternakan ayam diarah tutup serta-merta kerana menyebabkan kacau ganggu lalat kepada penduduk di Jeram di sini kelmarin.

Arahan itu dikeluarkan selepas pemeriksaan dilakukan Jabatan Kesihatan dan Persekitaran Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) bersama Pejabat Veterinar Daerah Kuala Selangor dan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor selama dua jam bermula pukul 10 pagi.

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS, Jerrie Ab. Manaf berkata, pemeriksaan mendapati ladang itu mempunyai lapan reban mengandungi 224,000 ekor ayam.

Katanya, lalat di situ berada pada skala empat daripada 10.

"Pemilik juga didapati tidak menguruskan pelupusan bangkai dengan baik, ketidakekapan rekod kawalan serangga perosak secara konsisten dan pengurusan najis ayam yang tidak bersesuaian.



Ladang diarah tutup serta-merta dan pemilik disuruh menjalankan kawalan semburan tiga kali sehari menggunakan resigen atau *iconic*."

JERRIEE

"Ladang diarah tutup serta-merta dan pemilik disuruh menjalankan kawalan semburan tiga kali sehari menggunakan resigen atau *iconic*," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Jelas Jerrie, pemilik ladang juga dikehendaki menjalankan pembersihan sewajarnya termasuk pelupusan bangkai ayam yang sistematis, pembersihan sistem pelepasan dan pengendalian najis ayam dengan sistematis dan efisien.

"Kadar Pematuhan oleh pemilik ladang akan dipantau dari semasa ke semasa agar tidak mendatangkan mudarat kepada persekitaran," katanya.



SEORANG anggota penguat kuasa MPKS melakukan pemeriksaan ke atas sebuah ladang ayam yang menyebabkan kacau ganggu lalat kepada penduduk di Jeram, Kuala Selangor semalam.



NORHISHAM Ramli (kiri) bersama penasihat produk jenama Sri Pinang, **Datuk Dr. Muhammad Farid Saad** ketika berada di Malaysia Fest di Singapura, baru-baru ini.

Usahawan P. Pinang raih RM2 juta dalam empat hari

BUTTERWORTH: Seramai 17 usahawan bimbingan Lembaga Pemisahan Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang melakar sejarah tersendiri apabila berjaya merekodkan jualan sebanyak RM2 juta sepanjang empat hari menyertai program Malaysia Fest di Singapura yang berakhir Ahad lalu.

Pengerusi FAMA, Aminuddin Zulkipli berkata, selain FAMA, Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) turut terlibat dalam menayakan program jualan itu tahun ini yang berlangsung di Singapore Expo Convention & Exhibition Centre, Changi.

"Pavilion Negeri Pulau Pinang kali ini membawa sebanyak 72 SKU (unit simpanan stok) untuk produk-produk di bawah jenama Sri Pinang yang mencatatkan nilai jualan tunai kira-kira RM825,000.

"(Jualan) selebihnya (pula dibuat) melalui tempahan awal yang diterima oleh usahawan melalui ejen-ejen mereka di Singapura," katanya

kepada pemberita di sini kelmarin.

Program tersebut turut mendapat sambutan membarangsangkan apabila dihadiri kira-kira 150,000 pengunjung dan delegasi MPBPP diketuai oleh Timbalan Pengarahnya, Notishaham Ramli.

Dalam pada itu, kata Aminuddin, antara produk usahawan di bawah jenama Sri Pinang yang mendapat perhatian dan permintaan tinggi dari Singapura adalah Kopi Hang Tuah; Jeruk Madu Pak Ali; Produk Hasil Laut dan pes masakan.

"Turut berlangsung pada sesi yang sama ialah upacara menandatangani tujuh perjanjian persefahaman melalui program padanan perniagaan bersama-sama rakan niaga usahawan masing-masing.

"Ia merupakan sebahagian daripada usaha untuk memperluaskan pasaran produk mereka ke luar negara bagi mengukuhkan jaringan pemasaran," ujarnya.

PTPB: Formulasi baharu baja NAFAS tingkatkan hasil padi

PENDANG - Formulasi baharu baja yang diperkenalkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memberi impak optimum dalam penghasilan padi menerusi Program Tanaman Padi Bersepadu (PTPB).

Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Aimi Jusoh berkata, inisiatif ini menyokong hasrat kerajaan dalam merangka modul tanaman padi yang mampu meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) padi dan beras negara daripada 70 peratus kepada 75 peratus.

Menurutnya, ini kerana purata hasil pengumpulan penanaman PTPB semusim menunjukkan peningkatan sebanyak tujuh tan metrik/hektar berbanding 2.95 tan metrik yang dihasilkan pada musim-musim sebelum ini.

"Melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) serta penyelidikan dan pembangunan (R&D), kita memperkenalkan baja sebatian formulasi

baharu sebagai penggalak tambahan (booster) bagi meningkatkan hasil tanaman secara optimum.

"Projek diterajui NAFAS bersama syarikat subsidiari, Malaysians NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB) dengan kerjasama pemain industri antaranya Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), diyakini dapat meningkatkan pendapatan pesawah," kata Aimi.

Beliau berkata demikian ketika ditemui meninjau projek PTPB yang merupakan projek perintis 68 pesawah ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kubur Panjang seluas 70 hektar di Kampung Nam Dam pada Khamis.

Hadir sama, Pengerusi MARDI, Dr Azman Ismail; Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Ismail Umar dan CEO MNFSB, Abd Halim Hamzah.

Aimi berkata, MNFSB merupakan kilang pengeluaran baja sebatian untuk petani seluruh negara melalui skim baja



Aimi (tiga dari kiri) dan Azman (empat dari kiri) menunjukkan baja serta input pertanian lain sebagai penggalak tambahan bagi projek PTPB di Kampung Nam Dam, Pendang.

subsidi kerajaan bagi memastikan petani mendapat baja terbaik untuk menjamin hasil tanaman.

"Pakej input NAFAS diperkenalkan dalam projek PTPB, iaitu bahan perapi tanah Silgrow Plus, baja sebatian formulasi baharu dan baja penggalak tambahan Ultra K.

"Kehadiran elemen mineral organik dan unsur surih ini berdasarkan cadangan MARDI dan nilai tambah dalam formulasi khas baja sebatian dalam projek ini," jelasnya.

Sementara itu, Azman berkata, MARDI komited menjalin kerjasama strategik bersama NAFAS dalam usaha penambahbaikan formula baja baharu melalui ujian dan R&D selain berusaha memberikan input terbaik kepada pesawah terutama baja dan benih padi.

"MARDI dan NAFAS, institusi yang menjadi antara tulang belakang sektor pertanian pastinya bersedia melaksanakan perubahan mengharungi cabaran agar

industri pertanian terus proaktif, seiring perkembangan teknologi," katanya.

Menurutnya, sekiranya pencapaian projek ini diterapkan ke kawasan tanaman padi lain di seluruh negeri, ia dapat membantu negara mengatasi masalah sekuriti makanan atau keterjaminan makanan.

"Kita perlu meningkatkan produktiviti di semua kawasan sawah dan juga meningkatkan hasil di kawasan yang sebelum ini dikenali sebagai kurang berhasil atas faktor tanah," jelasnya.

Azman berkata, inovasi baja dan benih padi juga diperlukan dalam memastikan hasrat kerajaan menjayakan penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun dapat dilaksanakan.

"Ia melibatkan proses yang besar merangkumi inovasi baja, menyuburkan tanah dan infrastruktur. Ia juga harus disokong oleh varian baharu benih padi serta pengaliran agar hasrat ini dijayakan sebaiknya," jelasnya.



Para pesawah yang terlibat dalam projek PTPB di Kampung Nam Dam turut hadir ketika lawatan di tapak sawah.

Masalah tanah jerlus, remaja bantu tuai padi

PARIT BUNTAR – Kejadian tanah jerlus kawasan sawah padi di Parit Mat Ali, Kuala Kurau di sini menyebabkan seorang remaja terpaksa mengerat padi secara tradisional menggunakan pisau selepas tidak dapat dilaksanakan dengan mesin jentuai.

Muhammad Hazieq Irfan Shaiful Shahrin, 14, berkata, bagi meringankan beban bapanya, dia bersama dua rakannya mengambil inisiatif tersebut selepas tani padi mereka tidak dapat dituai secara moden.

"Bapa mengusahakan tani padi di kawasan seluas 15 hektar, namun empat hektar tidak dapat dituai disebabkan



MUHAMMAD HAZIEQ (kiri) bersama rakannya menuai padi menggunakan pisau pengerat di Parit Mat Ali, Kuala Kurau dekat Bagan Serai semalam.

dibiarkan, maka saya mengambil inisiatif turun ke bendang mengerat padi menggunakan pisau pengerat bagi membantu keluarga," katanya semalam.

Menurutnya, dia akan menyilapkan kerja sekolah dahulu sebelum turun ke bendang selama dua jam sekitar pukul 5 hingga 7 petang.

"Dalam tempoh dua jam itu, saya berjaya mengutip sekurang-kurangnya 200 kilogram (kg) padi dan menjualnya kepada perah tempatan. Dapatlah sedikit duit belanja, lagipun harga padi sekarang mahal iaitu RM1,500 untuk satu tan metrik," katanya.

Sementara itu, tinjauan Kos-

mol di kawasan bendang di bawah kendalian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjung Piandang mendapati hanya 40 peratus dari kawasan seluas 2,460 hektar sawah di mukim itu dapat dituai.

Keadaan itu disebabkan fenomena bencana tanah jerlus yang menyebabkan jentera jentuai kebanyakannya tenggelam.

Menurut laporan daripada PPK Tanjung Piandang, bencana itu telah mengakibatkan pihak tersebut kerugian sebanyak RM1.8 juta kerana padi di sawah tidak dapat dituai dan padi mereput.

Usahakan cendawan tiram sebagai punca rezeki



WONG menunjukkan cendawan tiram yang diusahakannya di Pengkalan Hulu baru-baru ini.

Oleh **FADZIL ZAINOL**

PENKALAN HULU – Harga getah yang rendah pernah membuatkan seorang anak muda di sini, Wong Prarip, 26, resah tentang nasibnya sebagai pekebun kecil.

Namun tekanan yang dihadapi membuka jalan baharu kepadanya untuk mencuba tanaman baharu iaitu cendawan tiram setelah melihat rakan senasib gigih berniaga tumbuhan itu.

Berbekalkan tekad yang tinggi, beliau tidak sekadar mengikuti, malah berusaha menimba kemahiran tentang penanaman, pemasaran serta meneroka peluang disediakan kerajaan negeri.

Kursus dan bantuan kerajaan negeri bukan sekadar wang ringgit, malah meliputi teknik permia-gaan moden seperti jualan menerusi dalam talian.

"Banyak jenis tanaman saya cuba buat termasuk cili. Sekarang mencuba cendawan pula. Nampak positif dan harap usaha ini terus berkembang," katanya kepada *Kosmo*/baru-baru ini.

Jenama perniagaan atau projek tersebut ialah R1 Organic Mushroom Farm dan diuar-uarkan sebagai pembekal bongkah atau cendawan tiram segar.

2030 PERAK SEJAHTERA

Terletak di pendalaman Pengkalan Hulu, Perak, luas tanah digunakan kira-kira 1 hektar sebelumnya kebun getah.

Perusahaan itu dilengkapi mesin memproses campuran bahan mentah dan benih, peti memanaskan bongkah cendawan dan dua bangsal atau rumah cendawan yang menempatkan bongkah bagi pengeluaran hasil.

Wong berkata, penyediaan kelengkapan termasuk mesin memproses banyak dibantu agensi-agensi negeri termasuk Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) yang menjadi agensi utama memacu kelestarian sekuriti makanan yang menjadi agenda utama Perak Sejahtera 2030.

Jelasnya, mesin itu berfungsi mengadunkan bahan mentah sehingga diproses membentuk unit bongkah plastik yang mengandungi benih cendawan.

"Bantuan dana dan teknikal

oleh Kerajaan Negeri Perak, menjadikan produktiviti lebih tinggi dan berkualiti. Sewaktu tanpa mesin ini dahulu, pengeluaran sangat sedikit, sekarang sudah berganda," katanya.

Bercerita mengenai pasaran, jelas Wong, sambutan orang ramai kepada cendawan tiram amat baik sama ada untuk masakan atau membeli bongkah bagi mendapatkan hasil.

Ujarnya, setiap bongkah yang matang boleh mengeluarkan hasil cendawan sehingga 600 gram setiap kali berbunga dengan jangka hayat satu bongkah bagi menghasilkan tanaman mampu mencecah hingga empat bulan.

"Permintaan sangat tinggi. Kadangkala pengeluaran tidak mencukupi. Pegawai agensi kerajaan kerap hadir untuk melihat bentuk bantuan bagi meningkatkan hasil," katanya.

Beliau kini mahu menambah rumah cendawan di kawasan tersebut dan gembira ia mendapat perhatian kerajaan negeri.

"Kita sahut slogan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad untuk rakyat negeri ini 'tanam (ternak, pelihara) apa yang kita makan, makan apa yang kita tanam (ternak, pelihara), selebihnya kita jual,'" katanya.

PEMANGKIN Digital AgTech bantu perniagaan petani

Aplikasi ini bantu antaranya dari segi cuaca, pasaran dan analisis prestasi ladang di hujung jari

PUTRAJAYA

Kementerian Komunikasi dan Digital melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) melancarkan PEMANGKIN (Program Pemangkin Digital

Malaysia) Digital AgTech untuk memperkasakan petani dan perniagaan tani di seluruh negara.

Sempena pelancaran itu, MDEC mengalu-alukan kerjasama ke arah pembangunan platform Digital AgTech Analytics (DATA).

Selaras dengan sektor yang digalakkan Digital Malaysia, platform itu merupakan inisiatif yang akan memperkasakan petani serta perniagaan tani dengan teknologi canggih bagi cerapan masa nyata tentang produktiviti dan jangkaan analitik, kata agensi itu dalam satu kenyataan pada Khamis.

“Ia dilengkapi dengan pelbagai ciri merangkumi pertanian ketepatan kepada

FOTO: MDEC



PEMANGKIN Digital AgTech dapat memperkasakan petani serta perniagaan tani dengan teknologi canggih.

pemantauan kesihatan tanaman, ramalan cuaca, pandangan pasaran, pengurusan sumber dan analisis prestasi ladang, semuanya di hujung jari,” katanya.

- Bernama